

200,000 dijangka lawat MAHA 2002

Oleh MOHD. HAZLI HASSAN

11 SEP 2002

KUALA LUMPUR
22 Sept. — Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-Pelancangan 2002 (MAHA 2002) yang akan diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mines (Mines), Seri Kembangan pada 1 hingga 6 Oktober ini dijangka dapat menarik lebih 200,000 pengunjung dan syarikat perladangan seluruh dunia.

Ini berikutan, MAHA 2002 akan digabungkan dengan Persidangan Agritech Malaysia 2002 (Agritech 2002) serta Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kawasan Kebangsaan 2002 (HPPNK 2002) yang akan memamerkan pelbagai produk pertanian terkini.

Malah MAHA 2002 juga akan membolehkan pengunjung berinteraksi secara terus dengan bahan yang dipamerkan serta pelbagai demonstrasi masakan oleh chef terkemuka tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Asian AR Trade Exhibitions (M) Sdn. Bhd. (Asian AR), yang menguruskan MAHA 2002, Anthony Ramasamy berkata, pameran terbesar di Asia itu bertujuan untuk memberi kesempatan peserta mengenali dengan lebih dekat teknologi pertanian beberapa negara peserta lain.

Menurut beliau, ini akan membolehkan penimduan teknologi pertanian dalam pelbagai bidang bagi mengembangkan industri pertanian tempatan.

"Kita telah mengaturkan pelbagai aktiviti dan pameran daripada sektor pertanian luar negara serta tempatan yang dirasakan dapat memberi pengetahuan baru kepada peserta," katanya kepada Utusan Malaysia, di sini hari ini.

MAHA 2002 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 1 Oktober ini.

Sebanyak 550 gerai pameran tempatan dan antarabangsa telah disediakan pada pameran anjuran Kementerian Pertanian bersama Lembaga Pemasaran Hasil Pertanian Persekutuan (FAMA).

Setakat ini, 20 buah negara



luar mengesahkan untuk menyertai MAHA 2002 termasuk pameran daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang akan membawa konsep bagaimana untuk menyembuhkan bumi (healing earth).

Tambah Ramasamy, kawasan seluas 3.6 hektar di Mines akan dibahagikan kepada beberapa bahagian utama bagi membolehkan peserta serta pengunjung mendapat manfaat sepenuhnya daripada MAHA 2002 yang turut mendapat sokongan daripada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Antara yang menarik kata beliau ialah pameran ladang dan kebun di kawasan terbuka Mines yang akan mempunyai pelbagai binatang ternakan serta aktiviti.

"Satu daripadanya ialah demonstrasi mengetam bulu biri-biri yang jarang dijalankan di Malaysia serta pelbagai aktiviti lain. Selain itu, pengunjung juga boleh melihat bagaimana proses pemerahan susu lembu menggunakan teknologi baru," katanya.

Ramasamy berkata, pameran pavilion rumah hijau daripada agensi kerajaan negeri juga akan turut memamerkan hasil penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian serta pameran bunga-bunga.

Dalam pada itu, pameran buah-buahan tropika, butik orkid dan tumbuh-tumbuhan tropika akan turut dapat dinikmati oleh pengunjung dan peserta.

Menurut Ramasamy, orang ramai yang ingin menyertai MAHA 2002 boleh menghubungi Asian AR di 03-21623209, faks 03-21623212 atau e-mel: asianar@tm.net.my.

Orang ramai boleh melayari laman web MAHA 2002 di www.maha2002.com.my untuk mengetahui maklumat lanjut dan juga mendaftar.